

20 program sebar maklumat zakat

Semarakkan pengisian Bulan Zakat Pulau Pinang 2021

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

SEBERANG JAYA

Zakat Pulau Pinang (ZPP) menyediakan sebanyak 20 pengisian program menarik sepanjang Bulan Zakat Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun ini

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali berkata, semua program yang disediakan itu akan dilaksanakan sepanjang bulan ini bagi mencapai objektif yang ditetapkan sempena Bulan Zakat Pulau Pinang 2021.

Menurutnya, antara pengisian program tersebut adalah Majlis Bantuan Khas Covid Kepada Penerima Bantuan Bulanan Zakat, Majlis Penyerahan Bantuan Inapan Kasih (Bina Baru), Majlis Pelancaran Bulan Zakat Pulau Pinang 2021 dan Pembayaran Saguhati Guru Al-Quran, Guru Agama, Guru Takmir dan Jawatankuasa Kariah 2021.

“Secara dasarnya, objektif yang ditetapkan untuk Bulan Zakat Peringkat Negeri Pulau Pinang adalah sama seperti tahun terdahulu, iaitu mempromosi dan menyebarkan informasi berkaitan kewajipan ibadat zakat kepada masyarakat Muslim di negeri ini.

“Bagi tahun ini, objektif spesifik adalah menyemarakkan kesedaran berzakat kepada semua umat Islam di Pulau Pinang seterusnya memberi manfaat dan impak yang besar kepada pembayar dan penerima zakat khususnya di Pulau Pinang,” katanya ketika ditemui di Pejabat ZPP di Bukit Mertajam.

Amran berkata, antara objektif yang ditetapkan adalah untuk meningkatkan jumlah kutipan dan pembayar zakat di Pulau Pinang melalui promosi dan penyebaran maklumat berkaitan ibadah zakat.

Menurutnya, berdasarkan pelaksanaan Program Bulan Zakat pada tahun 2019 dan 2020, objektifnya adalah mencapai sasaran yang ditetapkan dan ini dapat diukur melalui statistik permohonan bantuan zakat yang ditawarkan.

“ZPP menjadikan kutipan zakat setiap tahun sebagai pengukuran utama kerana apabila banyak yang dapat dikutip, maka banyak yang dapat diagihkan.

“Pada bulan Disember 2019, sebanyak RM26 juta berjaya dikutip iaitu peningkatan sebanyak 26.4 peratus berbanding kutipan pada Disember 2018 sebanyak RM20.6 juta.



ZPP sentiasa memastikan setiap bantuan dan sumbangan sampai kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan.

“Kutipan ini berdasarkan kempen Bulan Zakat Pulau Pinang yang kita laksanakan sebelum ini. Bagi Disember 2020 pula, jumlah kutipan menunjukkan peningkatan yang sangat baik dengan 38.8 peratus iaitu sebanyak RM36.1 juta,” katanya.

Beliau berkata, bagi tahun ini, pengukurannya berdasarkan kepada jumlah sasaran bagi kutipan zakat yang belum dicapai.

Sehingga Oktober lalu, ZPP telah mencapai jumlah kutipan daripada sasaran yang ditetapkan sebanyak 72 peratus. Sebanyak 28 peratus perlu diselesaikan bagi mencapai sasaran RM136 juta kutipan keseluruhan bagi tahun 2021.

Tahun lalu, data merekodkan kutipan bagi November dan Disember mewakili sebanyak 33 peratus.

“Dengan trend yang ditunjukkan ini, kami optimis mencapai sasaran kutipan zakat yang telah ditetapkan. Kami yakin dapat melonjakkan prestasi kutipan zakat untuk dua bulan terakhir ini,” katanya.

Beliau menyifatkan kefahaman orang ramai khususnya masyarakat Islam Pulau Pinang berkaitan zakat, menunjukkan peningkatan yang sangat baik.

Katanya, ia dapat dilihat menerusi peningkatan jumlah pembayar zakat harta, peningkatan jumlah pembayar zakat fitrah, peningkatan permohonan wakil kutipan zakat, sambutan kempen taksiran zakat dan sambutan program-program anjuran ZPP.

“Kerjasama institusi Islam di negeri ini yang turut menyebarkan dakwah zakat juga salah satu faktor. Jabatan Mufti Pulau Pinang misalnya, menyebarkan fatwa berkaitan zakat. Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang pula menyentuh seruan kewajipan berzakat melalui khutbah Jumaat,” katanya.

Asnaf baharu meningkat

Di Pulau Pinang, berlaku peningkatan golongan asnaf setiap tahun dan paling ketara tahun lalu ketika negara dilanda pandemik Covid-19.

Pada tahun 2020, jumlah penerima bantuan agihan zakat meningkat sebanyak 29.1 peratus iaitu 41,084 orang berbanding 31,821 penerima pada tahun 2019

“ZPP turut sedar peralihan golongan T20 dan M40 ke B40 berlaku sebelum pandemik Covid-19 lagi. Tetapi pandemik telah memburukkan lagi keadaan dengan ketidakstabilan ekonomi; penurunan paras gaji, lonjakan kadar pengangguran dan langkah majikan mengecilkan kos operasi.

“Fenomena sebenar yang berlaku dalam persekitaran semasa yang tidak stabil ini turut mewujudkan golongan ‘miskin baharu’ atau ‘asnaf baharu’ di Pulau Pinang,” katanya.

Jelasnya, data ZPP menunjukkan peningkatan asnaf baharu akibat pandemik Covid-19 melalui rekod permohonan Skim Bantuan Khas Zakat Covid-19 (SBKZC19).

SBKZC19 Fasa 3 telah memfokuskan kepada bantuan untuk golongan terkecas antaranya pekerja gaji harian/bulanan, pemandu teksi, pemandu e-hailing, pemandu bas dan van sekolah, peniaga pasar malam/pasar tani, guru agama tanpa majikan/pendakwah bebas bertauliah dan keluarga/pesakit Covid-19 (sedang dalam kuarantin).

Berdasarkan

laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Keperluan Asas (HIES & BA) 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dianggarkan 171,644 bilangan isi rumah di Pulau Pinang berada di dalam kategori B40 yang berpendapatan bawah RM4,640.

“Trend pemberhentian pekerja susulan pandemik Covid-19 telah banyak menyumbang kepada golongan B40. Kajian oleh Penang Institute menganggarkan kadar pengangguran di Pulau Pinang meningkat melebihi 3 peratus pada tahun 2020 berbanding 2 peratus pada 2019 dan 2.2 peratus pada 2018.

“Trend pemberhentian kerja akibat Covid-19 terutamanya dalam sektor perkhidmatan meliputi perkhidmatan hospitaliti, perdagangan borong, penjualan runcit, pelancongan dan harta tanah banyak menyumbang kepada peningkatan golongan B40,” katanya.

Bagi menangani permasalahan itu, beliau berkata, ZPP telah mempelbagaikan program bantuan yang memfokuskan kepada golongan yang terkesan.

Usaha itu bagi menyokong pendapatan isi rumah pemohon melalui Skim Bantuan Khas Zakat Covid-19 dengan penyaluran bantuan sebanyak RM15.9 juta pada tahun lalu dan RM2.75 juta bagi tahun ini.

Selain itu katanya, ZPP juga menganjurkan Skim Bantuan Perniagaan dengan kolaborasi bersama agensi keusahawanan seperti SME Corp. dan Ekuinas.

Kolaborasi ini akan membantu usahawan baharu dan usahawan yang terkesan semasa pandemik untuk bangkit semula menerusi suntikan modal perniagaan serta kursus pembangunan usahawan norma baharu.

Beliau turut berharap agar golongan pembayar zakat terus memainkan peranan dalam membantu penerima meningkatkan taraf hidup.

“ZPP sedaya mungkin akan memastikan interaksi antara pemberi dan penerima zakat di Pulau Pinang sentiasa dipelihara, bertepatan dengan moto ZPP iaitu ‘Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela’.

“Saya harap penganjuran program bulan zakat ini dapat menjadikan ia satu ekosistem yang efisien dalam dakwah pengurusan kutipan zakat dan agihan bantuan zakat di Pulau Pinang bagi memastikan golongan pembayar zakat terus memainkan peranan serta golongan penerima pula dapat dibantu bagi meningkatkan taraf hidup,” katanya.



AMRAN HAZALI